

17 SEP 1998

Mahathir-Singapura

KEPUTUSAN LARANG JET SINGAPURA BUAT SELAMA-LAMANYA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Sept -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, keputusan melarang pesawat terbang Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) memasuki ruang udara Malaysia berkuatkuasa esok adalah untuk selama-lamanya.

"Nampaknya ia sesuatu yang kekal, bukan bersifat sementara," kata beliau dalam persidangan berita selepas melawat Stadium Bukit Jalil di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila diminta mengulas pengumuman Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar pagi ini yang semua peraturan khas dan pelepasan yang diberikan kepada pesawat-pesawat RSAF untuk menggunakan ruang udara Malaysia telah ditarik balik.

Syed Hamid berkata keputusan itu diambil memandangkan kesesakan yang terus bertambah di ruang udara negara dan juga kebimbangan orang ramai.

Ditanya jika keputusan itu akan dikaji semula kemudian, Perdana Menteri berkata tiada guna kerajaan mengambil langkah sementara.

Dr Mahathir berkata apa yang Malaysia buat ialah "mengambil balik kawasan kita sedikit demi sedikit."

"Kita bagi kemudahan itu dulu sebagai satu jenis kerjasama di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) tetapi kita dapati sekarang ini tak berapa sesuai," kata beliau.

Ditanya sama ada keputusan itu diambil sebagai reaksi kepada kenyataan kritikal mengenai Malaysia oleh Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew dalam buku mengenai riwayatnya, Dr Mahathir berkata ia tidak kena mengena dengannya.

"Kita sudah lama membuat keputusan," kata beliau.

Ditanya lagi sama ada keputusan itu menandakan berakhirnya kerjasama ketenteraan antara Malaysia dan Singapura, Dr Mahathir berkata masih ada ruang bagi kerjasama antara kedua-dua negara.

"Boleh ada kerjasama tetapi kita tidak akan membenarkan mereka (pesawat RSAF) terbang sesuka hati di ruang udara kita kerana mereka pernah berbuat demikian tanpa memaklumkan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, pernah juga berlaku nahas membabitkan pesawat Singapura di wilayah Malaysia dan pesawat-pesawat RSAF memasuki wilayah Malaysia untuk menjalankan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu.

Dr Mahathir berkata, penduduk di bahagian selatan Johor yang bersempadan dengan Singapura juga tidak senang dengan kehadiran jet-jet RSAF berhampiran tempat kediaman mereka.

"Mereka tidak senang kerana jet-jet asing terbang dalam ruang udara negara mereka," katanya.

Jika Singapura mencabuli larangan itu, Dr Mahathir berkata Malaysia akan membantah.

Dr Mahathir juga berkata penjualan buku mengenai riwayat Lee di Malaysia tidak akan dilarang memandangkan Malaysia sebuah negara bebas.

"Anda boleh kata apa yang anda mahu, tetapi perlu ingat apa yang ada buat ialah membangkitkan perasaan orang ramai, menjadikan mereka sangat marah," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, tindakan seperti itu "menjadikan sukar bagi kita menjalin hubungan baik dengan Singapura."

Ditanya sama ada rakyat Malaysia perlu mengabaikan buku Lee itu, beliau berkata: "Kita boleh mengabaikannya tetapi perasaan mereka ... jika anda

memperkecilkan pemimpin-pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, pasti mereka tidak senang dengannya."

Lee yang juga Menteri Kanan Republik itu antara lain menuduh Malaysia sebagai membuli dan mengugut republik itu semasa ia berada dalam Persekutuan Malaysia selama dua tahun sebelum ia keluar dari Malaysia pada 1965.

Buku itu juga menyebabkan pemimpin-pemimpin negara ini naik marah kerana Lee memaparkan beberapa pemimpin Malaysia sebagai berasuah dan menjadi dalang di sebalik rusuhan kaum di Singapura pada 1964.

--BERNAMA

ES PR